


SHOUTUL ISLAM

empati dan dunia akhir zaman



ARTIKEL KHAS

- *Empati Di Dalam Dunia Yang Semakin Kejam*
- *Gaza Dan Perkembangan Geopolitik Semasa*
- *Bahaya Tersembunyi Di Balik Tabir Maya*

CORETAN MEJA EDITOR

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah kita dapat berjumpa lagi sebelum tahun 2025 melabuhkan tirainya. Melihat kembali rentetan peristiwa yang telah berlaku, mahu tak mahu kita terpaksa mengaku kedudukan ummah seluruh dunia ketika ini berada di penghujung zaman. Keganasan demi keganasan berlaku umpama akal manusia ini sudah hilang entah ke mana, musibah dan malapetaka yang tidak berpenghujung, seterusnya pemimpin-pemimpin kini diangkat dari kalangan mereka yang tidak berkelayakan.

Bagi isu kali ini, sidang editor menyediakan 4 artikel pilihan sebagai ruang untuk pembaca berfikir dan bermuhasabah diri, seterusnya bersedia menghadapi hari-hari yang bakal mendatang. Pasti masa depan akan lebih mencabar, namun ingatlah bahawa Allah SWT menciptakan manusia itu sebaik-baik ciptaan-Nya, yang mampu menghadapi pelbagai cabaran semata-mata bagi mencapai keredaan-Nya.

Amin ya rabbal alamin. Wassalam.

Adam bin Abdul Hai
KETUA EDITOR



SIDANG EDITORIAL

PENGERUSI

Datuk Jumain bin Abdul Ghani
Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

KETUA EDITOR

Adam bin Abdul Hai

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, JHEAINS

SIDANG EDITOR

Nor Shariddah binti Kamal Eneffjay Temoloktawan

Mohd Rahsuhizam bin Abdul Rahman Neng Athirah Malinda binti Joslan

URUS SETIA

Unit Penerbitan BPI

PROGRAM TURUN PADANG PIHAK PENGURUSAN JHEAINS, BAHAGIAN PEDALAMAN ATAS

TARIKH : 16 & 17 November 2025
TEMPAT: Dewan Pusat Kraftangan, Keningau

Program ini diadakan sebagai sebuah platform perbincangan antara Bahagian Pengurusan JHEAINS bersama Pejabat Tadbir Agama di Bahagian Pedalaman Atas.



LENSA

JHEAINS

LAWATAN KERJA KE TAPAK BENCANA KEBAKARAN SEKOLAH AGAMA NEGERI (SAN) TAMBUNAN

TARIKH : 14 Oktober 2025
TEMPAT: SAN Tambunan

Lawatan melihat tapak kebakaran SAN Tambunan pada 12 Oktober 2025 yang lalu seterusnya menyerahkan sumbangan bantuan dari Kerajaan Negeri.





EMPATI DI DALAM DUNIA YANG SEMAKIN KEJAM

Neng Athirah Malinda binti Joslan

Dunia moden semakin pantas dan penuh cabaran, seperti ketegangan sosial, individualisme dan tekanan hidup. Nilai empati menjadi semakin penting kerana ia bukan sekadar sifat peribadi, tetapi asas kepada keharmonian dan keadilan sosial dalam masyarakat Islam. Allah SWT berfirman di dalam surah Al-Maidah ayat 2 yang bermaksud: *“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan.”*

Ayat di atas menekankan bahawa empati dan bantuan kepada sesama adalah prinsip penting dalam membina masyarakat yang harmoni. Ia bukan sahaja sebuah nasihat tetapi merujuk kepada perintah Allah SWT kepada seluruh umat Islam dalam menjalankan kehidupan di dunia ini. Rasulullah SAW juga menyatakan di dalam sebuah hadis bahawasanya *“mukmin terhadap mukmin lain bagaikan satu tubuh yang apabila satu anggota sakit, seluruh tubuh merasainya.”* (HR Muslim).

Prinsip ini menuntut umat Islam untuk mengembangkan sikap peka, prihatin dan bersatu hati. Empati menjadi alat utama untuk mencegah perpecahan dan membina kerjasama yang kukuh. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa empati yang dibina atas dasar nilai agama membantu memupuk perilaku prososial dan solidariti dalam masyarakat Muslim (Abu Al Ghanam et al., 2024). Di Sabah, pelbagai inisiatif telah dianjurkan oleh JHEAINS dalam usaha memperkukuh perpaduan khususnya melalui program-program ceramah, bantuan dan kebajikan dijalankan dalam usaha menanam nilai prihatin terhadap

penderitaan orang lain, serta membina solidariti dan ukhuwah Islamiah dalam diri masyarakat.

Empati juga secara tidak langsung memberi manfaat psikologi dan sosial. Individu yang mempunyai rasa empati lebih cenderung terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan menyumbang kepada kesejahteraan komuniti (Mohamad Aun et al., 2025).

Kesimpulannya, empati adalah tonggak ajaran Islam yang memandu umat membina masyarakat yang harmoni, adil, dan bersatu. Masyarakat Islam di Sabah wajar menzahirkan empati melalui ilmu yang mencerahkan, doa yang ikhlas dan tindakan yang nyata khusus kepada yang memerlukan. Dengan memupuk sifat prihatin dan belas kasihan, kita mampu membentuk komuniti yang berakhlak mulia, saling menyokong dan menjadi contoh teladan kepada seluruh masyarakat khususnya di bumi Sabah.

Rujukan

- Abu Al Ghanam, A. M. (2024). Religiosity, empathy, and its relationship with prosocial behaviour: The mediating role of peer's relationship. *International Journal of Religion*.
- Mohamad Aun, N. S., Zaenal Abidin, & Nur Madiah Ili Idrus. (2025). Islamic values in ethical principles of social work.





GAZA DAN PERKEMBANGAN GEOPOLITIK SEMASA

Neng Athirah Malinda binti Joslan

Krisis berterusan di Gaza merupakan cerminan kepada dinamik geopolitik global yang semakin kompleks dan tidak seimbang. Konflik ini bukan sahaja menzahirkan penderitaan rakyat Palestin, tetapi turut menggambarkan persaingan kuasa besar serta kegagalan diplomasi antarabangsa dalam menegakkan keadilan (Aldalala'a, N., & Shukri, S., 2025). Dalam konteks ini, umat Islam di Malaysia, khususnya di Sabah, perlu melihat isu Gaza bukan sekadar konflik fizikal, tetapi sebagai manifestasi ketidakadilan global yang menuntut kefahaman, tindakan dan solidariti (Hager, T., et al., 2025).

Perubahan geopolitik di Asia Barat menunjukkan bahawa isu Gaza telah meningkatkan tekanan terhadap kuasa dunia dan membuka ruang kepada suara masyarakat sivil global untuk menuntut penyelesaian yang adil. Negara-negara Islam juga semakin lantang mempertahankan hak rakyat Palestin, selari dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud: *"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu (yang berselisih)."*

Prinsip ukhuwah ini menegaskan bahawa penderitaan Gaza tidak boleh dipisahkan daripada kepekaan dan kebertanggungjawaban umat Islam di seluruh dunia. Dalam konteks sosial Malaysia, masyarakat Islam di Sabah yang hidup dalam keadaan aman dan harmoni wajar menjadikan tragedi Gaza sebagai peringatan tentang pentingnya memelihara perpaduan dan kestabilan. Kajian Nazri, A. S. (2022) menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia responsif terhadap isu kemanusiaan global melalui solidariti, bantuan kemanusiaan dan pendidikan awam. Penglibatan aktif melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Malaysia telah mempertingkatkan kesedaran mengenai isu Palestin tanpa mengira latar belakang agama dapat berganding bahu dalam membantah penjajahan Israel.



“Perumpamaan orang-orang beriman dalam kasih sayang dan perhatian mereka adalah seperti satu tubuh...”

Sabda Rasulullah SAW. HR Muslim

Daripada potongan hadis tersebut turut menunjukkan bahawa keprihatinan terhadap Gaza adalah kewajiban moral dan spiritual (JAKIM, 2025). Prinsip ini mengajak masyarakat Islam Sabah untuk mengekalkan kesatuan, memperkuat nilai empati serta menolak segala bentuk perpecahan yang boleh melemahkan ummah. Akhirnya, perkembangan geopolitik yang berlaku hari ini perlu meningkatkan kesedaran umat Islam tentang pentingnya memahami konflik global, menyuburkan budaya ilmu serta mendoakan keselamatan saudara seagama. Gaza bukan sekadar isu Timur Tengah, tetapi cerminan cabaran terhadap kemanusiaan sejagat (PKPIM, 2020). Justeru, marilah masyarakat Islam di seluruh Malaysia bersama terus kekal bersatu hati, mengambil iktibar dan sentiasa menzahirkan solidariti melalui doa, ilmu dan tindakan yang berterusan.

Rujukan

- Aldalala'a, N., & Shukri, S. (2025). Shifting Geopolitics: The Gaza War and the Contours of a Nascent Middle East Security Community. *Intellectual Discourse*, 33(2).
- Nazri, A. S. (2022). Penglibatan dan Sumbangan NGO Malaysia dalam Isu Kemanusiaan Palestin: Aman Palestin Berhad: Malaysian NGOs in Humanitarian Issues of Palestine: Aman Palestine Berhad. *Sains Insani*, 7(1), 7-16.

BAHAYA TERSEMBUNYI DI BALIK TABIR MAYA

Eneffjay

Insiden tikaman di sebuah sekolah menengah baru-baru ini menggemparkan rakyat Malaysia. Kekejaman perilaku pelaku yang masih muda menimbulkan persoalan yang amat merisaukan; apa sudah jadi sama generasi muda kini? Pelbagai teori diutarakan; antaranya pengaruh rakan sebaya, media sosial, masalah peribadi sama ada di sekolah mahupun rumah. Namun nota yang dijumpai setelah pelaku ditangkap polis, muncul satu kemungkinan yang di luar jangka.

*Semua orang akan mati nanti. 'Zero Day'. Komuniti, masyarakat dan sekolah semuanya adalah NPC (Non-Player Character)," terjemahan tulisan itu. Pun begitu, memetik laporan **Akhbar Kosmo**, tulisan yang tertera itu bermaksud*

'Dunia ini palsu, saya sudah menang'.

PERMAINAN VIDEO PUNCA DELUSI?

Terma NPC lazimnya digunakan dalam permainan video (video game), dan nota ini menimbulkan prasangka buruk terhadap media ini. Acap kali media ini menjadi kambing hitam setiap kali berlaku kejadian jenayah di sekolah (Kowert, 2025). Hakikatnya jika diperhalusi, kebanyakan pelaku dalam insiden seperti ini berada dalam kelompok umur awal remaja. Menurut artikel terbitan *American Academy of Child & Adolescent Psychiatry* (AACAP, 2024) otak remaja masih berkembang dan hanya mencapai usia matang sekitar umur 20 tahun. Bahagian *amygdala* (emosi) lebih berkembang berbanding *frontal cortex* (rasional & logik) menyebabkan keputusan mereka lebih didorong oleh emosi.

Namun begitu, dakwaan permainan video sebagai punca delusi ditolak oleh Ferguson et al. (2015) berdasarkan kajian Grimes et al. (2008) yang menyatakan kewujudan faktor lain menjadi punca delusi tersebut menguasai minda remaja.



Rujukan

- Meyer, J. (2025, June 5). *WebPurify Content Moderation*. WebPurifyTM Content Moderation Services. <https://www.webpurify.com/blog/gaming-addiction-or-moral-panic/>
- Video Games and Youth. (2024, October). Aacap.org. https://www.aacap.org/AACAP/Families_and_Youth/Facts_for_Families/FFF-Guide/Video-Games-Youth-091.aspx?WebsiteKey=a2785385-0ccf-4047-b76a-64b4094ae07f
- Ferguson, C. J., Barr, H., Figueroa, G., Foley, K., Gallimore, A., LaQuea, R., Merritt, A., Miller, S., Nguyen-Pham, H., Spanogle, C., Stevens, J., Trigani, B., & Garza, A. (2015). Digital poison? Three studies examining the influence of violent video games on youth. *Computers in Human Behavior*, 50, 399–410.

MEDIA SOSIAL

Atske, S. (2024) menyatakan remaja masa kini mengisi masa terluang dengan aktiviti permainan video sebagai bukan sahaja untuk menghiburkan diri malahan sebagai ruang bersosial bersama rakan-rakan secara maya merentas negara, sempadan masa, dan dari pelbagai latar belakang dan usia.

Kebebasan bersosial tanpa pengawasan orang tua dan rasa tanggungjawab melalui aplikasi seperti *TikTok*, *Youtube*, *Facebook*, *Instagram*, *X* (dulu dikenali sebagai *Twitter*) dan sepertinya membuka peluang untuk mereka yang berniat jahat atau mempunyai agenda songsang untuk merosakkan pemikiran anak muda kita. (Lozano-Blasco et al., 2025).

Tanpa disedari permainan video, media sosial serta pempengaruh (influencer) yang tidak bertanggungjawab boleh mengundang padah di masa hadapan. Dalam kes di Bandar Utama, ibu bapa pelaku langsung tidak menyedari bahawa pelaku telah membawa sebatang pisau yang dibelinya selama beberapa bulan sebelum menyerang mangsa.

KESIMPULAN

Hakikatnya, bermain permainan video mahupun pergaulan secara maya melalui media sosial boleh memberi manfaat kepada anak muda ini jika dilakukan secara sederhana (Rani, 2025). Oleh itu, ibu bapa perlu selalu mendekati dan mengambil tahu hidup anak remaja mereka agar mereka boleh berkongsi fikiran, perasaan mahupun emosi yang sukar untuk mereka fahami buat masa ini. Pada masa yang sama libatkanlah mereka dalam aktiviti komuniti setempat supaya mereka turut mempunyai identiti sendiri selain dari diri mereka di dunia maya.

Keputusan kerajaan untuk menghadkan akses media sosial bagi remaja berumur 16 tahun ke bawah mungkin dianggap kontroversial mahupun remeh bagi sesetengah kumpulan, namun ingatlah bahawa menjaga kesejahteraan rakyat merupakan tanggungjawab yang utama bagi pemerintah negara. Pepatah Afrika ada menyebut: *“it took one whole village to raise a child”*.

“
Sabda Rasulullah SAW: “Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (HR Bukhari)
”

Rujukan

- Atske, S. (2024, May 9). *Teens and Video Games Today*. Pew Research Center. <https://www.pewresearch.org/internet/2024/05/09/teens-and-video-games-today/#are-teens-social-with-others-through-video-games>
- Librarian, B. (2025). IMPACT OF SOCIAL MEDIA ON YOUTH. *Academe Journal of Education & Psychology*, 15, 31-37.
- Lozano-Blasco, R., Mira-Aladrén, M., & Gil-Lamata, M. (2023). Social Media Influence on Young People and Children: Analysis on Instagram, Twitter and YouTube. *Comunicar: Media Education Research Journal*, 31(74), 117-128.



PERSIAPKAN DIRIMU, WAHAI PEMIMPIN
terbitan 14 November 2025

PEMIMPIN ISLAM, SURI TELADAN RAKYAT
terbitan 28 november 2025



..... *rumusan Bahasa Malaysia*

Berdasarkan kedua-dua teks khutbah tersebut dapat disimpulkan bahawa kepimpinan adalah satu amanah besar yang memerlukan komitmen dan tanggungjawab yang tinggi bermula daripada pimpinan dalam keluarga sehinggalah kepimpinan tertinggi dalam pentadbiran negara.

Seorang pemimpin Islam hendaklah mempunyai sifat takwa dalam segala tindakan, berakhlak mulia, berilmu dan bijaksana, menegakkan keadilan, mengamalkan musyawarah serta sentiasa memperbaiki diri dan menjauhi sifat khianat dalam melaksanakan amanah mahupun tanggungjawab untuk menjadi seorang pemimpin yang berwibawa dan diredai Allah SWT. Baiknya seorang pemimpin menentukan baik dan harmoninya masyarakat dan begitulah sebaliknya, andai rosak pemimpin itu maka rosaklah masyarakat di bawahnya.

Nasihat kepada masyarakat terutama yang beragama Islam agar mentaati pemimpin selagimana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam kerana ketaatan kepada pemimpin merupakan bukti ketaatan kita kepada Allah SWT dan Rasul-Nya.

..... disediakan oleh Nor Shariddah binti Kamal

He who has never learned to obey cannot be a good commander.

-Aristotle

English summary

In summary, both sermons posit that leadership comes with heavy 'Amanah' (trust) that in turn demands strong commitment and great sense of responsibility, from family leadership to the highest leadership position in national administration.

A Muslim leader must have 'taqwa' (piety) in all his actions, be noble, knowledgeable and wise, upholding justice, practicing moderation, continuously self-improving and avoiding any possible acts of treachery, all whilst carrying out his responsibility as leader with authority, only for Allah's blessing. A proper leader determines the goodness and congruity of his community. On the other hand, a corrupt leader will corrupt his own community.

Societies, especially Muslims, highly advised to obey their leaders as long as it does not come into conflict with Islamic Syaria. After all, obedience to leaders is proof of our obedience to Allah SWT and His Messengers.

Prepared by Eneffjay

Linahasan id Suang Boros do Dusun

Tumanud koduudou oroitan teks aanu pongotusan do memuruan noponga iso agayo tonggungan I momoguno tonggungan om ii tonggungan akawas kotimpuun mantad memuruan id suang kapaganakan gisom da memuruan takawas id suang kotoinaan pogun.

Songulun huguan Islam do lansan do haro kowoowoyoon taqwa id suang sawi-awi tindakan, berakhlak, kikaaba'alan om aba'al hilo, monguridong ka'adangan om do bermasyuarah om toririmo koundaraan sondi om magalai kowoowoyoon khainat id suang do popoburu' tonggungan mahupun tonggungan do ontok do koili Songulun huguan i kuasa om do diredhai Allah SWT.

Linumis songulun osonong huguan om do manantu do osonong om miunung ginumuan nogi i om sambalik, ia' araag huguan dilo nogi ginumuan araag di bawahnya/ id siriba dau.

Pinosodia do Temoloktawan



*Tanda adat bergendi syarak
Quran dan hadis menjadi tiang
Tanda umat berbudi akhlak
Kelakuan manis hati penyayang*

